

# Permata UMS julung kali anjur kejohanan futsal

UB B.S.2015 A15

KOTA KINABALU: Buat julung kalinya, Persatuan Mahasiswa Anak Terengganu (Permata) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Kejohanan Futsal Fiesta Terbuka UMS 2015.

Pengarah program Muhammad Fuad Mamat berkata, walau pertama kali dianjurkan, ia berjaya menarik ramai penyertaan dalam kalangan mahasiswa UMS.

Menurutnya, pasukan Koroi FC muncul juara selepas menewaskan pasukan Futsal Melayu Terengganu dengan jaringan 2-1.

“Kejohanan ini bertujuan mengumpulkan mahasiswa UMS dari seluruh negeri untuk sama-sama bermain futsal.

“Pada masa sama, ia membantu memperkenalkan Permata UMS di Sabah terutamanya di UMS sendiri,” katanya ketika ditemui selepas kejohanan itu di sini baru-baru ini.

Kejohanan berkenaan dirasmikan oleh Presiden Anak Terengganu di Peran-



## PASUKAN Koroi FC muncul johan Kejohanan Futsal Fiesta Terbuka UMS 2015.

tauhan Kawasan Kota Kinabalu Samsuri Mamat.

Fuad berkata, penyertaan pasukan yang melebihi sasaran membuktikan sambutan yang menggalakkan dalam kalangan pelajar terhadap aktiviti sukan futsal.

Beliau berkata, hasil kerjasama dan semangat kesukaran tinggi yang ditunjukkan oleh jawatankuasa pengangur dan setiap peserta membantu menjayakan lagi kejohanan itu.

“Lebih 20 pasukan mengikuti pertandingan Fiesta Futsal

ini dan program berlangsung tanpa ada sebarang masalah.

“Penganjurannya juga adalah atas saranan Menteri Besar Terengganu dan Yayasan Terengganu.

“Saranan dan sokongan sebegini sememangnya amat diperlukan supaya dapat menggalakkan mahasiswa di universiti menyertai pelbagai aktiviti,” jelasnya.

Pasukan Watanabe muncul pemenang tempat ketiga selepas mengalahkan pasukan Kenchana Dewi.